

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 8 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L15519
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan dana amanah atau skim kewangan mikro khusus kepada golongan belia khususnya Orang Asli bagi membina kapasiti ekonomi dan pendidikan.
2. PN-1543-L15242
Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bagaimanakah Kerajaan menilai kesan peningkatan pusat data terhadap penggunaan tenaga dan air negara, serta menjamin tiada kenaikan tarif elektrik dan air yang akhirnya membebankan rakyat dan menjejaskan kesejahteraan ekonomi domestik.
3. PN-1543-L15042
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kementerian untuk menarik pelaburan strategik bagi membangunkan industri pemprosesan Rare Earth Element (REE), khususnya di negeri Perak, serta apakah langkah bagi memastikan nilai tambah bahan tersebut dapat dikekalkan di dalam negara dan tidak hanya dieksport sebagai bahan mentah.
4. PN-1543-L15174
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha untuk meningkatkan pensijilan Minyak Sawit Mampan (MPSO) bagi hasil sawit Sarawak untuk pasaran antarabangsa, dan adakah pensijilan MPSO turut mengambil kira pencerobohan atau aduan berkaitan pelanggaran hak, termasuk tanah hak adat (NCR) di dalam negara .

5. PN-1543-L14724
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Projek Bekalan Air Luar Bandar ke Ulu Sebetan, Tapang Ujan, Mudong dan Ibus, Krian Daerah Saratok yang memberi manfaat kepada beberapa rumah panjang dijangka siap sepenuhnya.
6. PN-1543-L15078
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang menaikkan had berat muatan lori di Sarawak seiring dengan amalan di Semenanjung Malaysia, memandangkan jalan dan jambatan di Sarawak direka mengikut standard dan spesifikasi sama yang digunakan di Semenanjung Malaysia.
7. PN-1543-L15204
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh mana Kementerian menilai potensi penggunaan teknologi baharu termasuk pendekatan hibrid yang menggabungkan pembinaan benteng pemecah ombak dengan tukun tiruan dalam usaha menangani isu hakisan pantai di negeri Terengganu.
8. PN-1543-L15102
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah kemampuan infrastruktur jalan raya negara dalam menghadapi cabaran ketidakpastian iklim yang mencabar hari ini, dan apakah komitmen Kementerian dalam memperkukuh infrastruktur jalan raya tahan iklim di Malaysia.
9. PN-1543-L15504
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian merancang membentuk model perniagaan pertanian baharu berasaskan koperasi moden, platform digital dan pertanian kontrak supaya anak muda melihat sektor ini sebagai peluang keusahawanan, bukan pekerjaan tradisional.
10. PN-1543-L15079
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah pemantauan dan audit yang sedang dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan hospital-hospital swasta tidak mengenakan caj yang berlebihan atau mengambil kesempatan terhadap pesakit, serta peranan unit khas yang ditubuhkan bagi memantau kadar bayaran perkhidmatan di sektor kesihatan swasta.

11. PN-1543-L14783
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam pelaksanaan model "Build Then Sell" (BTS) yang disarankan, bagaimanakah Kementerian memastikan bahawa pemaju mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi, serta siapakah yang akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kegagalan pihak pemaju.
12. PN-1543-L14814
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah pengusaha pelancongan komuniti di Sabah yang menerima insentif promosi pelancongan desa tahun ini.
13. PN-1543-L14873
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan FT001 dari Kota Sarang Semut (Seksyen 838.00) ke Persimpangan Tandop (Seksyen 851.00) bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur dan keselamatan pengguna jalan raya.
14. PN-1543-L15306
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan unjuran keperluan jururawat di semua hospital, klinik dan kemudahan kesihatan Persekutuan menjelang 2030 serta bagaimana perancangan dan tindakan Kerajaan bagi memastikan jumlah dan kapasiti keperluan personel perubatan ini sentiasa mencukupi.
15. PN-1543-L15426
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah yang diambil untuk melaksanakan pertanian secara bersepadu seperti mempelbagaikan jenis pertanian di sesuatu kawasan, supaya petani tidak mengalami masalah pendapatan terjejas apabila harga hasil keluaran pertanian tertentu merosot pada waktu tertentu.
16. PN-1543-L15142
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam pemerkasaan Akta 134 bagi membolehkan pemberian tanah bergeran dengan sekatan kepentingan agar tanah kediaman dan kebun tradisi Orang Asli tidak dipindah milik kepada pihak luar.

17. PN-1543-L15068
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sasaran tenaga elektrik hijau jangka masa pendek, sederhana dan panjang serta langkah-langkah yang diambil untuk memastikan sasaran tersebut tercapai.
18. PN-1543-L14920
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah status sebenar projek tebatan banjir Sungai Klang, Sungai Langat dan Sungai Buloh.
19. PN-1543-L15169
Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) sama ada berlaku peningkatan mendadak dalam permohonan pembaharuan lesen memandu serta permohonan lesen memandu baharu susulan pelaksanaan program BUDI95; dan
 - (b) berapakah anggaran kadar peningkatan permohonan tersebut dan jumlah hasil tambahan yang telah dikutip oleh Kerajaan.
20. PN-1543-L15047
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) senarai perancangan program dan acara utama yang akan dilaksanakan oleh Kementerian sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 yang telah disusun bagi menarik pelancong antarabangsa dan domestik, termasuk jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk promosi, pembangunan produk pelancongan dan peningkatan infrastruktur pelancongan di seluruh negara; dan
 - (b) strategi Kementerian dalam memastikan penyertaan aktif Kerajaan negeri, sektor swasta serta komuniti tempatan dalam menjayakan sasaran Tahun Melawat Malaysia 2026.
21. PN-1543-L15151
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah kesediaan Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk menyediakan peruntukan tajaan biasiswa khusus kepada masyarakat Orang Asli yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat pasca siswazah, termasuk Ijazah Sarjana (Master) dan Doktor Falsafah (PhD), bagi melahirkan lebih ramai tenaga pakar dan profesional Orang Asli.

22. PN-1543-L14744

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani rungutan pemilik kenderaan elektrik yang tinggal di kondominium atau pangsapuri lama, di mana Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) enggan menubuhkan stesen pengecas EV, sedangkan kemudahan ini diwajibkan bagi pembangunan baharu.

23. PN-1543-L14941

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil dalam memperkukuhkan sekuriti makanan negara berikutan perubahan cuaca yang semakin ketara kebelakangan ini sehingga menjejaskan hasil pertanian.

24. PN-1543-L14849

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha komprehensif bagi memajukan sektor pelancongan di kawasan-kawasan tumpuan ramai di Kelantan.

25. PN-1543-L15170

Senator Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) peratusan kemalangan maut yang berpunca daripada pemandu di bawah pengaruh dadah bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini; dan
- (b) sejauh manakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan orang awam tidak memandu di bawah pengaruh dadah, termasuk melalui penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat seperti yang dikenakan terhadap pemandu di bawah pengaruh alkohol.

26. PN-1543-L15025

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah sasaran eksplisit untuk SSR atau tahap sara diri beras negara pada 2030 dan bagaimanakah pakej subsidi RM2.62 bilion ini secara spesifik menyumbang kepada mencapai sasaran tersebut.

27. PN-1543-L14980

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk memperluas penggunaan teknologi seperti sistem pengesan banjir awal dan pemetaan risiko khusus bagi kawasan berisiko tinggi di Sabah ; dan
- (b) apakah pelan mitigasi menyeluruh Kerajaan dalam menangani fenomena banjir pesisir dan hakisan pantai di Sabah, termasuk pembangunan benteng semula jadi (nature-based solutions), pemulihan hutan bakau sebagai penampungan semula jadi, serta pelaksanaan Pelan Pengurusan Sungai Bersepadu Sabah bagi tempoh 2025-2030.

28. PN-1543-L15265

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana kesediaan Kerajaan melaksanakan dagangan secara barter menggunakan eksport minyak sawit dengan negara seperti China, India dan Rusia, sama ada bagi pertukaran bahan makanan atau peralatan pertahanan.

29. PN-1543-L15482

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha khusus Kementerian dalam membantu industri penternakan ikan baung di Hulu Terengganu serta ikan patin di Temerloh.

30. PN-1543-L15128

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memperkasa industri halal agar Perlis menjadi hab halal antarabangsa seiring dengan lokasinya yang strategik bersempadan dengan Thailand dan menjadi pintu masuk produk halal ke pasaran ASEAN.

31. PN-1543-L15298

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan promosi warisan dan seni budaya negara di peringkat antarabangsa, khasnya dalam pengisian Dasar Diplomasi Budaya yang dilancarkan oleh Kerajaan pada 7 Disember 2021.

32. PN-1543-L15266

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan data terkini untuk pesakit talasemia di Sabah yang majoritinya berbangsa Dusun dan bantuan atau insentif yang disediakan oleh pihak Kementerian untuk pesakit-pesakit ini yang datang daripada kumpulan B40 yang tinggal di kawasan luar bandar.

33. PN-1543-L15218

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bilakah tempoh larangan (moratorium) terhadap import teknologi pelupusan sisa elektronik dari luar negara akan berakhir atau ditamatkan secara rasmi memandangkan status moratorium itu masih belum jelas.

34. PN-1543-L14752

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya kenderaan berat yang berada di atas jalan raya tidak membahayakan pengguna-pengguna yang lain bagi memastikan peristiwa seperti kemalangan di Tol Kajang pada 27 September 2025 tidak berulang.

35. PN-1543-L15054

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan penjelasan mengenai agenda agroteknologi dan pertanian tepat, insentif penggunaan teknologi tersebut dan sasaran produktiviti per hektar bagi komoditi utama pada tahun 2026.

36. PN-1543-L14733

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memajukan industri solar negara, selain memastikan penambahan jumlah pekerja tenaga mahir dalam industri solar dapat dipercepatkan.

37. PN-1543-L15516

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana Kementerian menangani masalah kekurangan nutrisi dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli khususnya di kawasan pedalaman.

38. PN-1543-L15405

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memperkukuh kluster perindustrian dan koridor ekonomi wilayah, termasuk kesalinghubungan infrastruktur, insentif pelaburan serta penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri, bagi memastikan pertumbuhan seimbang di luar Lembah Klang.

39. PN-1543-L14999

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

(a) sejauh mana keberkesanan dan ketelusan pengurusan hasil hutan di negeri Sabah pada masa ini, termasuk mekanisme perkongsian hasil antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah supaya pulangan sumber asli negeri diagih secara adil dan berimpak kepada rakyat; dan

(b) perkembangan pelaksanaan konsep *Forest Beyond Timber* dan sejauh mana inisiatif ini telah menyumbang kepada peningkatan hasil negeri, peluang ekonomi hijau dan pemeliharaan sumber hutan secara mampan.

40. PN-1543-L15205

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan jangkaan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Rusila, Marang akan mula dilaksanakan memandangkan kawasan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan hakisan yang kritikal (Kategori 1).

41. PN-1543-L15507

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha terkini Kerajaan dalam meningkatkan taraf masyarakat luar bandar khususnya Orang Asli dari aspek bantuan keusahawanan, akses kepada latihan dan kemahiran, pembiayaan mikro dan pemilikan tanah untuk tujuan pertanian dan perniagaan.

42. PN-1543-L14858

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah inisiatif oleh Kerajaan bagi membantu Kerajaan Negeri Kelantan dalam memulihara sungai-sungai yang tercemar di negeri Kelantan.

43. PN-1543-L14746

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan peranan UDA Holdings Berhad (Urban Development Authority) dalam memperkukuh pembangunan hartanah komersial dan ruang niaga, khusus untuk usahawan kecil di bandar-bandar utama Sarawak seperti Kuching, Sibu dan Miri.

44. PN-1543-L15177

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi meningkatkan tahap sara diri makanan di Sarawak dan apakah program-program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ke arah itu.

45. PN-1543-L15110

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan jangka pendek dan panjang Kementerian dalam menaik taraf perkhidmatan Flying Doctor Service (FDS) di Sarawak, termasuk penggunaan teknologi moden, kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak, serta langkah memastikan kesinambungan perkhidmatan di kawasan luar bandar yang sukar diakses.

46. PN-1543-L15015

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan selain daripada persembahan awam, apakah terdapat program lain bagi menyokong program penurunan kemahiran warisan budaya antara generasi pengetahuan dan adakah terdapat sebarang geran untuk tuan tukang (master artisans) mengambil pelatih.

47. PN-1543-L15267

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kuantiti terkini hasil padi yang dihasilkan oleh daerah Papar dan jumlah penerima Geran Agropreneur Muda di Sabah serta strategi Kementerian untuk membantu daerah Papar sebagai antara perintis pertanian padi berhasil tinggi secara moden.

48. PN-1543-L15385

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana rakyat boleh yakin dengan janji pengharaman penuh vape sedangkan komponen Generational End Game (GEG) yang lebih menyeluruh dan pernah diluluskan prinsipnya dibatalkan akibat isu perundangan dan tekanan kepentingan, dan apakah jaminan bahawa sejarah GEG tidak akan berulang.

49. PN-1543-L15456

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah OKU yang telah diluluskan permohonan perumahan di bawah KPKT bagi tempoh 2024 hingga 2025, serta apakah inisiatif khas Kerajaan bagi memastikan lebih ramai OKU yang layak memiliki rumah sendiri.

50. PN-1543-L15338

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

(a) langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kejadian gangguan bekalan elektrik besar seperti yang berlaku pada 15 Oktober 2025 daripada berulang serta usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap rizab tenaga, memperkukuh pelaburan dalam sistem grid teragih dan mempertingkat daya tahan (resilience) grid elektrik negara; dan

(b) adakah Kerajaan akan memperkenalkan dasar tenaga komuniti (community energy policy) bagi membolehkan kawasan perumahan atau industri kecil menjana tenaga sendiri sebagai sokongan kepada grid nasional.

51. PN-1543-L14711

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status perbelanjaan peruntukan RM855,500 yang diperuntukkan kepada Hospital Saratok dan status pelaksanaan menaiktaraf Klinik Nyabor dan Klinik Roban yang bernilai RM1.8 juta, setakat bulan November.

52. PN-1543-L15407

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada rakan dagang Malaysia di bawah RCEP, CPTPP atau perjanjian perdagangan bebas (FTA) lain boleh memohon pengecualian SST ke atas import buah-buahan seperti yang diberikan kepada Amerika Syarikat di bawah Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia-Amerika Syarikat (ART).

53. PN-1543-L15240

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai projek rumah mampu milik yang sedang dan akan dilaksanakan di Hulu Selangor, termasuk maklumat terperinci seperti jumlah unit, jenis rumah, harga jualan, serta tarikh jangkaan siap bagi setiap projek berkenaan.

54. PN-1543-L15384

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah segera dan jangka panjang yang sedang diambil untuk menangani keadaan kemudahan asas yang uzur di hospital-hospital Kerajaan utama (GH), termasuk lif yang sering rosak dan kerusi roda; dan
- (b) bagaimanakah peralatan pesakit yang tidak lagi selamat digunakan sedang ditangani, memandangkan isu ini menjejaskan keselamatan, kecekapan operasi, dan imej perkhidmatan kesihatan awam negara.

55. PN-1543-L14952

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini kajian menyeluruh oleh Kementerian mengenai harga beras putih tempatan. bilakah keputusan kenaikan harga siling beras putih tempatan akan diumumkan kepada rakyat, serta apakah jaminan sekuriti makanan negara dan persaingan harga beras putih import.

56. PN-1543-L14768

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kesan-kesan jangka panjang dari segi ekonomi berikutan penandatanganan Perjanjian Timbal Balas Perdagangan Malaysia-Amerika Syarikat atau ART antara Malaysia dan Amerika Syarikat yang ditandatangani ketika Sidang Kemuncak ASEAN pada Oktober lalu.

57. PN-1543-L15423

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan jangkaan pelaksanaan sepenuhnya pelan tindakan Dasar Mineral Negara 3 (DMN3) berikutan kerangka dasar tersebut telah diluluskan oleh Jemaah Menteri sejak Januari 2024.

58. PN-1543-L15273

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang diambil bagi mempercepat kelulusan kajian kebolehlaksanaan Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) untuk projek Kedah Aerotropolis yang berpotensi menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi di wilayah utara negara.

59. PN-1543-L15019
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan segera atau *urgent plan* Kementerian untuk menghalang anak-anak kita daripada terpengaruh dengan penggunaan rokok elektronik ataupun *vape* yang berleluasa dan terutamanya budak-budak sekolah yang masih merokok secara terbuka di khalayak ramai.
60. PN-1543-L14761
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan bahawa protokol seperti larangan hidangan minuman beralkohol dalam program rasmi Kerajaan dipatuhi, apabila berlaku situasi seperti majlis makan malam yang kini dipersoalkan.
61. PN-1543-L14695
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mekanisme pemantauan yang akan digunakan oleh Kerajaan untuk memastikan Amerika Syarikat mematuhi komitmen pengurangan tarif dan pengiktirafan piawaian produk Malaysia seperti yang termaktub dalam Perjanjian Timbal Balas antara Malaysia dan Amerika Syarikat.
62. PN-1543-L14953
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah strategik yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memajukan industri ternakan lembu negara yang masih ketinggalan jauh berbanding Thailand dan Indonesia, serta apakah program intervensi untuk mengubah mentaliti dan meningkatkan kemahiran penternak tempatan kepada perternakan pintar dan moden.
63. PN-1543-L15333
Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) bilakah Kerajaan akan membentangkan RUU Kediaman Sewa (RTA) dan RUU Pembaharuan Semula Bandar (URA) yang telah lama dijanjikan; dan
 - (b) apakah kekangan yang menyebabkan kedua-dua RUU ini tidak dibentangkan mengikut garis masa yang ditetapkan.

64. PN-1543-L15129

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana tahap kerjasama yang diberikan oleh Kementerian bagi menjayakan kempen Visit Perlis 2024-2025 setakat ini dan apakah usaha yang telah dilaksanakan bagi menggalakkan pelancongan komuniti (community-based tourism) di kawasan luar bandar Perlis bagi menarik pelancong domestik dan antarabangsa.

65. PN-1543-L15316

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan nilai pasaran makanan halal dan tidak halal serta usaha Kerajaan dalam memperkasakan industri halal agar kekal berdaya saing di peringkat global.

66. PN-1543-L15227

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan kekal berdaya saing apabila Malaysia menandatangani perjanjian Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (RTA) yang membuka pasaran kepada barang import, khususnya dalam aspek sokongan kewangan, pembangunan penyelidikan (R&D) dan peningkatan kapasiti teknologi.

67. PN-1543-L15449

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status pelaksanaan dan perancangan Kerajaan bagi menyelaraskan kadar gaji minimum penyelia serta petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) agar selaras dengan kadar gaji minimum semasa negara, iaitu sekurang-kurangnya RM1,700 sebulan, memandangkan beban tugas dan tanggungjawab mereka yang besar dalam memberikan khidmat kepada komuniti OKU pada peringkat akar umbi.

68. PN-1543-L14818

Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) apakah persediaan strategik Kementerian dalam merangka pelan mitigasi perdagangan negara, khususnya susulan pemeteraian Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) dengan Amerika Syarikat; dan
- (b) apakah mekanisme pengubahsuaian perundingan bagi memastikan kepentingan eksport Malaysia tidak terjejas serta daya saing negara kekal terpelihara.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.30/2025) Rang Undang-undang Perbekalan 2026 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah ‘Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang’.**
[4 Disember 2025]
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Yang Kedua
2. (D.R.38/2025) Rang Undang-undang Kewangan 2025
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Yang Kedua
3. (D.R.39/2025) Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2025
[Menteri Kewangan]
Bacaan Kali Yang Kedua
4. (D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025
[Jabatan Perdana Menteri]
Bacaan Kali Yang Kedua
5. (D.R.32/2025) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025
[Menteri Sumber Manusia]
Bacaan Kali Yang Kedua
6. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2025
[Menteri Sumber Manusia]
Bacaan Kali Yang Kedua

7. (D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Perpaduan Negara]**
8. (D.R.41/2025) Rang Undang-undang Antibuli 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
9. (D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Komunikasi]**
10. (D.R.35/2025) Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
11. (D.R.34/2025) Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
12. (D.R.42/2025) Rang Undang-undang Imigresen (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Dalam Negeri]**
13. (D.R.43/2025) Rang Undang-undang Pasport (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Dalam Negeri]**

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)

<u>TAHUN</u> <u>2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
D.N.6/2025	Penyata Jawatankuasa Pemilih, Dewan Negara Menurut Peraturan Mesyuarat 70, Peraturan- peraturan Mesyuarat Dewan Negara	8 Disember 2025